

SOALAN NO. 138

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN NEGARA

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG

[TANJONG PIAI]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (Isnin)

SOALAN :

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu menyalurkan makanan yang berlebihan di restoran dan hotel kepada golongan gelandangan dan kenapa Kementerian tidak mengambil peranan utama dalam usaha sedemikian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama pelbagai agensi (*multi-sectoral*) di dalam membantu mengendalikan kes-kes berkaitan gelandangan. Antara **inisiatif** yang telah diambil bagi fasa pertama adalah:

- 1) Mewujudkan Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan di peringkat Kementerian;
- 2) Melantik agensi / jabatan kerajaan yang berkaitan dengan isu utama gelandangan selaku ahli di dalam Sekretariat contohnya berkaitan perumahan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Kebajikan (Jabatan Kebajikan Masyarakat), Kesihatan (Kementerian Kesihatan Malaysia), Pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia) dan Dokumentasi Pengenalan Diri (Kementerian Dalam Negeri). Walau bagaimanapun Sekretariat juga boleh memanggil dan melibatkan

mana-mana pertubuhan sukarela kebajikan yang bergiat aktif dalam membantu gelandangan untuk membantu Sekretariat;

- 3) Menyediakan pelan tindakan sebagai usaha menangani isu-isu gelandangan mengikut isu utama yang dihadapi;
- 4) Mengenalpasti kawasan *hot spot* kes-kes gelandangan dan menyediakan profil gelandangan berdasarkan maklumat yang diperolehi dari badan pertubuhan sukarela ataupun berdasarkan maklumat yang diperolehi dari agensi kerajaan.

Bagi pelaksanaan fasa kedua, setelah lokasi dan profil gelandangan dapat dikenal pasti, Sekretariat akan menjalankan tindakan berdasarkan program dan aktiviti yang dirancang di dalam pelan tindakan.

Di dalam Pelan Tindakan *Focal Point* Kebajikan telah terdapat strategi bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada golongan gelandangan dan pengemis dan garis panduan bagi pengurusan kes gelandangan dan pengemis secara inter-agensi akan dibangunkan dan sedia digunakan pada tahun 2018.

Buat masa kini aktiviti pemberian makanan dijalankan secara sukarela oleh badan-badan pertubuhan sukarela di lokasi-lokasi tertentu yang dikenal pasti menjadi kawasan tumpuan gelandangan dan pengemis.

Kementerian menyambut baik cadangan untuk berkolaborasi dengan pihak restoran dan hotel usaha untuk menyalurkan makanan yang berlebihan di restoran dan hotel kepada golongan gelandangan seperti yang disarankan.

Kementerian akan mempertimbangkan cadangan tersebut dan akan disyorkan di dalam pelan tindakan di peringkat Sekretariat dan akan mengadakan perbincangan lanjut untuk mendapatkan pandangan ahli sekretariat dari aspek kesihatan, kebersihan, keselamatan makanan, penyertaan penyumbang dan mekanisme pelaksanaan.